

Sumbangan Azizan tidak ternilai — PM

Oleh
ASUKI ABAS, FAUZIAH AROF
dan **SHARILFUDDIN SAARI**

PUTRAJAYA 14 Julai — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menyifatkan kematian Pengerusi Petroliam Nasional Bhd. (Petronas), Allahyarham Tan Sri Azizan Zainul Abidin, sebagai satu kehilangan besar kepada negara dan ekonomi Malaysia.

Perdana Menteri berkata, sumbangan dan jasa Azizan kepada syarikat petroleum nasional itu serta industri minyak dan gas di negara ini adalah tidak ternilai dan amat dihargai oleh kerajaan.

"Beliau telah menyumbang kepada kemajuan dan perkembangan Petronas dan secara langsung kepada industri petroleum di negara kita ini.

"Jadi kita amat-amat menghargai jasanya yang begitu besar kepada negara dan ekonomi Malaysia," kata Perdana Menteri.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyertai lebih 1,000 umat Islam menunaikan sembahyang jenazah di Masjid Putra, di sini hari ini.

Turut sama ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Datuk Azmi Khalid, Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri Mohd. Isa Samad dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Samsudin Osman.

Azizan, 69, yang juga Pengerusi Perbadanan Putrajaya dan Malaysia Airline System Bhd., meninggal dunia pada pukul 4.15 pagi ini selepas mengadu sakit dada, di kediaman rasminya di Presint 8, di sini.

Jenazahnya dibawa ke kediaman peribadinya di Bukit Se-

gambut, Kuala Lumpur untuk disembahyangkan sebelum dibawa pulang ke Putrajaya dan disemadikan di Tanah Perkuburan Taman Selatan, di Presint 20, di sini.

Allahyarham meninggalkan seorang balu, Puan Sri Noor Ainee Che Teh dan tiga orang anak iaitu Amir Hamzah, 37, Datin Norizan, 34 dan Ikhwan, 25.

Menurut Perdana Menteri, Allahyarham turut dikenali sebagai seorang yang mempunyai kredibiliti tinggi dan gigih bekerja sama ada semasa berkhidmat dalam kerajaan mahupun ketika bertugas di sektor swasta.

"Semasa beliau berkhidmat dengan kerajaan, saya memang kenal dia baik, dia seorang yang gigih dan seorang yang mempunyai kewibawaan yang cukup tinggi.


"Jasa beliau banyak sebenarnya kepada raja dan negara. Kalau diambil kira penglibatan beliau dalam jawatan sebagai Pengerusi Petronas, sebelum itu sebagai pegawai tinggi kerajaan, (jasanya) adalah sangat besar," kata Perdana Menteri.

Allahyarham berkhidmat dalam kerajaan selama 28 tahun sehingga 1988 dengan jawatan terakhir sebagai Ketua Setiausaha di Kementerian Dalam Negeri (KDN).

Abdullah turut mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham dan berharap mereka bersabar dengan kehilangan Azizan.

"Kita berharap keluarganya bersabar pada waktu ini dan kita berdoa kepada Allah supaya mencucuri rahmat ke atas roh Allahyarham," kata Abdullah.

UM - 15/7/2004 : 2 Perdana



ABDULLAH AHMAD BADAWI bersama Dr. Mahathir Mohamad menziarahi keluarga Allahyarham Azizan Zainul Abidin di Bukit Segambut, Kuala Lumpur, semalam. Di tengah ialah anak Allahyarham, Amir Hamzah.